KENYATAAN MEDIA

PEGAWAI KADET TERBAIK UniMAP MULA MINAT PALAPES KERANA TAYANGAN VIDEO

PAUH PUTRA, 7 Ogos – Bermula dari tayangan video ketika Minggu Suaikenal (MSK) mendaftar di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 2016, mendorong seorang mahasiswa Teknologi Kejuruteraan menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES).

Lebih manis apabila mahasiswa itu, Nuraidah Mohd Tahrim dianugerahkan Pegawai Kadet Terbaik UniMAP sempena Istiadat Pentauliahan DiRaja PALAPES Universiti Awam Kali ke-38 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), baru-baru ini.

Nuraidah berkata selain itu, dorongan daripada bapa juga membuatkan beliau tidak teragak-agak menyertai pasukan badan beruniform itu di universiti walaupun sering berkorban cuti semester dan masa lapang hujung minggu.

“Ketika MSK , saya tertarik dengan PALAPES kerana badan beruniform itu dilihat agak mencabar dengan aktiviti lasak serta jadual latihan yang menuntut diri saya untuk lebih berdisiplin.

“Malah, menerusi PALAPES saya juga perlu bijak membahagikan masa dengan memanfaatkan masa yang tiada latihan dengan mengulangkaji pelajaran,” katanya ketika dihubungi.

Dalam istiadat berkenaan, Nuraidah adalah salah seorang daripada 1,560 pegawai kadet PALAPES dari 18 universiti awam dan satu universiti swasta seluruh negara dikurniakan watikah tauliah yang disempurnakan Tunku Mahkota Johor, Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pertahanan Senator Liew Chin Tong, Panglima Tentera Udara Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Haji Affendi Buang, Timbalan Panglima Tentera Darat Leftenan Jeneral Dato’ Hasagaya Abdullah, Timbalan Panglima Tentera Laut Laksamana Madya Datuk Khairul Anuar Yahya, Pegawai-Pegawai Kanan Angkatan Tentera Malaysia dan Naib-naib Canselor UA.

Kesemua Pegawai Kadet berkenaan melibatkan 16 detasmen iaitu Akademi Laut Malaysia dan terdiri daripada 881 orang Pegawai Kadet Tentera Darat Malaysia (TDM), 330 orang Pegawai Kadet Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan 349 orang Pegawai Kadet Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Sementara itu, Naib Canselor UniMAP Prof Ir Ts Dr R Badlishah Ahmad melahirkan rasa bangga di atas pencapaian pegawai kadet PALAPES UniMAP itu.

“Ia secara tidak langsung membuktikan bahawa walaupun UniMAP adalah berteraskan kejuruteraan namun sentiasa menitikberatkan pembentukan kemahiran insaniah menerusi ko-kurikulum,” katanya.

Dikeluarkan Oleh :

Aininulniza Mohd Yusof

Unit Komunikasi Korporat